

Pendemokrasian Media dan Cabaran Keselamatan dalam Era Digital

AHMAD SAUFFIYAN HASAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pendemokrasian media bermaksud kandungan media hari ini tidak lagi sepenuhnya ditentukan oleh kerajaan, organisasi politik dan korporat. Sebaliknya, kandungan media dipacu oleh suara dan pendapat rakyat yang mempunyai akses kepada teknologi komunikasi dan internet. Rakyat bukan lagi sebagai penonton media pasif tetapi mereka sudah menjadi penonton aktif yang mampu membina kandungan media sendiri. Oleh itu, cabaran untuk memastikan aspek-aspek keselamatan sesebuah negara juga berubah. Jika dahulu media kerajaan mendefinisikan Taliban sebagai kumpulan pengganas dan rakyat mudah mempercayainya, kini tidak lagi. Daesh yang sepatutnya dilihat sebagai sebuah kumpulan pengganas kini mempunyai pengikut yang mengatakan mereka adalah pejuang membentuk paradoks. Adakah Taliban dan Daesh itu sebenarnya pengganas atau pejuang? Realitinya, pendirian kerajaan mengenai sesuatu isu kini rapuh dicabar oleh lautan pendapat rakyat yang membanjiri media baharu. Solusi kepada masalah ini memerlukan masa, tenaga dan peranan pelbagai kepakaran dan pihak. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan isu pendemokrasian media serta masalah dan cabaran yang wujud. Kajian ini mengadaptasi pendekatan analisis konseptual iaitu sebuah strategi kajian kemanusiaan yang dicadangkan oleh University of Southern California (2018). Kajian mendapati pendemokrasian media memberi cabaran baru dalam pelbagai bentuk seperti masalah pengganas, cetak rompak, ideologi subversif serta masalah etika media. Kesimpulannya, pendemokrasian media adalah sesuatu yang tidak boleh dielak. Kerajaan, organisasi politik dan korporat perlu mempunyai strategi mengadaptasi perubahan yang dibawa oleh media baharu demi menjamin keselamatan diri, keluarga dan negara dalam era digital hari ini.

Kata kunci: *Pendemokrasian, media, keselamatan, digital, Malaysia*

Media Democratization and Security Challenges in The Digital Age

ABSTRACT

Media democratization means media content today is no longer fully determined by governments, political and corporate organizations. Instead, today's media content is driven by the voices and opinions of people who have access to communications and internet technologies. People are no longer passive media viewers but they are active audiences who can build their own media content. Therefore, the challenge of ensuring the security aspects of a country is changing. If the government's media defines the Taliban as a terrorist group and the people can easily trust it, it's no longer. Daesh, who was supposed to be seen as a terrorist group, now has followers saying they are fighting for paradoxes. Are the Taliban and Daesh actually terrorists or fighters? The reality is that the government's stand on issues that are now fragile are being challenged by the ocean of people's opinion that flooded the new media. The solution to this problem takes time, energy and the role of various expertise and parties. The objective of this study is to discuss the issue of media democratization as well as the problems and challenges that exist. This study adapts a conceptual analysis approach which is a humanitarian research strategy proposed by the

University of Southern California (2018). The study found that democratization of the media provided new challenges in various forms such as terrorism, piracy, subversive ideology and media ethical issues. In conclusion, democratization of media is something that can not be avoided. Governments, political and corporate organizations need to have a strategy to adapt the changes brought about by the new media to ensure the safety of ourselves, families and nations in today's digital era.

Keywords: *Democratization, media, security, digital, Malaysia.*

PENGENALAN

Pendemokrasian media merujuk kepada kandungan media yang tidak lagi dikuasai sepenuhnya oleh sesuatu entiti seperti kerajaan, korporat atau organisasi politik. Sebaliknya, kandungan media dipacu oleh suara dan pendapat khalayak yang mempunyai akses kepada teknologi komunikasi dan juga internet. Khalayak kini mampu membina kandungan media sendiri, menyuarakan pendapat dan menarik pengaruh, peminat dan penyokong unik. Contohnya, media baru digunakan oleh suara-suara pengkritik kerajaan untuk mengumpul penyokong dan memberi pendapat alternatif yang selalunya tidak sejajar dengan pendirian kerajaan. Kesannya, polisi, dasar atau pendirian kerajaan hari ini tidak lagi kebal dari kritikan dan jauh sekali ia menjadi satu alat pemujuk yang mutlak yang tidak tercabar.

Walaupun media yang demokratik adalah sesuatu yang baik, namun terdapat juga aspek negatif yang perlu diberi perhatian. Contohnya, dalam isu pengganas, kita dapat lihat apabila media kerajaan menyatakan bahawa Daesh adalah kumpulan pengganas, namun, idea kerajaan ini boleh disanggah oleh media Daesh dengan mengatakan bahawa mereka adalah pejuang bukan pengganas. Melalui media baru, Daesh menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan video propaganda mereka untuk rujukan khalayak global. Kesannya, wujud para simpati yang terpedaya dengan idea bahawa Daesh adalah pejuang dan seterusnya dengan sukarela menjadi pengikut Daesh. Tindakan segelintir rakyat Malaysia ini walaupun tidak ramai telah menjadi contoh cabaran baru kepada dimensi keselamatan negara amnya dalam membendung penyebaran ideologi pengganas melalui media baru yang demokratik. Walaubagaimanapun, pembaca dingatkan bahawa artikel ini adalah sebuah kajian bukan-empirikal yang bertujuan untuk meransang persepsi, pandangan dan kritikan positif terhadap fenomena pendemokrasian media dan cabaran yang wujud bersamanya. Oleh kerana skop pendemokrasian media dan cabarannya luas, maka kajian ini dihadkan untuk membincangkan isu pendemokrasian media serta masalah dan cabaran yang wujud. Artikel ini membincangkan mengenai fenomena pendemokrasian media dan bagaimana ia memberi cabaran kepada aspek keselamatan dalam era digital hari ini.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Zhao dan Hackett (2005), terdapat empat gelombang pendemokrasian media. Gelombang pertama menyaksikan penggunaan media oleh negara Dunia Ketiga untuk mendapatkan kemerdekaan dan pembangunan. Gelombang kedua bermula apabila suara awam dan penglibatan berkomunikasi oleh gerakan pembangkang serta kawalan korporat dalam media massa. Gelombang ketiga lebih dikenali sebagai *media reform* yang menyaksikan tradisi masyarakat yang berubah dari autoritarian kepada liberal seperti yang terjadi pada negara-negara bekas Soviet. Manakala gelombang keempat adalah tentang media dalam era internet

yang “memfasilitasi jaringan transnasional masyarakat civil untuk komunikasi yang lebih demokratik”.

Perbincangan Zhao dan Hackett (2005) didasarkan kepada gelombang pendemokrasian media yang berlaku di Eropah serta negara barat lain dan bukan Asia Tenggara. Oleh itu, contoh seperti konflik, isu dan pergolakan yang menyebabkan wujudnya gelombang ini di negara-negara tersebut tidak dibincangkan. Walaubagaimanapun, konteks yang paling penting untuk difahami adalah pendemokrasian media dan impaknya kepada pelbagai aspek ketamadunan manusia perlu dibincangkan dari semasa ke semasa.

Perkataan “media” dalam konteks pendemokrasian media merujuk kepada pelbagai jenis, bentuk dan platform media baru yang memberi peluang kepada masyarakat untuk bebas menyatakan dan berkongsi idea dan pandangan mereka. Antara platform media baru yang dikenali umum adalah media sosial dan blog. Dalam kajian *Pendemokrasian Maklumat Blog: Isu Akauntabiliti dalam Kalangan Blogger di Malaysia* oleh Muhammad Hakimi Tew Abdullah, Muhammad Hanapi Khamis dan Zuliani Mohd Azni (2018) mendapati, blog telah membuka landasan baru kepada masyarakat dalam menyampaikan maklumat dan sistem perundangan sedia ada tidak mampu menghalang para blogger untuk terus bebas menyampaikan pendapat mereka kepada audiens dalam media baru.

Samuel P. Huntington (1991) dalam bukunya bertajuk *The Third Wave: Democratization in the Late 20th Century* telah membuat rumusan yang mudah difahami dengan mengatakan, pendemokrasian itu termasuklah (1) berakhirnya rejim pemerintahan autoritarian (2) pembentukan rejim demokratik dan (3) Pengukuhan rejim demokratik. Walaubagaimanapun, Huntington (1991) tidak melihat kepada aspek media dalam membuat rumusan mengenai pendemokrasian. Namun, perlu diketahui, pada hari ini media baru yang menjadi penguat suara-suara rakyat telah menunjukkan kemampuannya dalam menjatuhkan sesebuah pemerintahan yang mana segala kuasa tentera, kuasa perundangan dan kawalan sepenuhnya terhadap sistem media lama tidak memberi kesan sedikit pun kepada masyarakat yang lebih terdedah kepada media baru.

Kajian tesis sarjana bertajuk Kesan Media Sosial Terhadap Pendemokrasian (*The Effects of Social Media on Democratization*) oleh Melissa Spinner (2012) menyatakan bahawa punca kejatuhan Presiden Hosni Mubarak pada 11 Februari 2011 dipacu oleh peranan media sosial dalam memujuk rakyat Egypt untuk membuat tunjuk perasaan. Tunjuk perasaan berlangsung selama 18 hari dan tamat sebaik Presiden Hosni Mubarak meletak jawatan. Spinner (2012) mengatakan selepas kejatuhan Presiden Hosni Mubarak, platform media sosial iaitu *Facebook* telah diberikan kredit sebagai punca kepada kebangkitan rakyat Egypt untuk bangun dan melakukan tunjuk perasaan. Spinner (2012) menambah lagi, Pengurus Pemasaran Google iaitu Wael Ghonim merupakan pemain utama dalam menyusun atur revolusi 25 Januari di dalam *Facebook* dan di dalam satu temuramah CNN, Ghonim mengatakan bahawa *Facebook* dan internet bertanggungjawab dalam kebangkitan di Egypt.

Penulis buku *The Fourth Industrial Revolution*, Schwab (2016) menerangkan, bentuk media digital baru akan menjadi komponen teras (*core component*) revolusi industri keempat dengan konsistennya akan memacu kerangka individual dan kolektif masyarakat. Selain itu Schwab (2016) juga menambah, dari aspek pendemokrasian media pula, kuasa demokratik media digital boleh disalahguna oleh kumpulan *non-state actors* (seperti pengganas Daesh) atau

gerakan berkumpulan yang berniat jahat untuk menyebarkan propaganda dan menggerakkan pengikut mereka dengan tujuan aktiviti keganasan. Seperti yang kita lihat hari ini iaitu kebangkitan kumpulan pengganas Daesh atau organisasi kumpulan pengganas yang mahir menggunakan media digital.

Jumlah *User Generated Content* (UGC) atau kandungan media digital yang dibina oleh pengguna internet semakin pantas dan meningkat naik sejak kebelakangan ini kesan dari teknologi seperti telefon pintar, kamera digital dan struktur rangkaian dengan harga berpatutan. Selain UGC wujud juga penerbitan seperti *user-generated Image* (UGI) dan *user-generated video* (UGV) di mana dan pada bila-bila masa sahaja pengguna internet boleh berkongsi kandungan mereka ke dalam media sosial dan kini ia menjadi aktiviti yang sangat popular (Shah & Zimmermann, 2017). Senario yang dijelaskan oleh Shah dan Zimmerman (2017) membuktikan kemajuan dalam dunia teknologi komunikasi dan informasi hari ini telah membuka ruang kepada masyarakat untuk menjadi sebahagian daripada kandungan media itu sendiri. Maksudnya, kini rakyat diperingkat individu sendiri mampu menjana kandungan media yang unik dan menyebarkannya kepada kumpulan sasaran kecil mereka. Kalau dahulu kandungan media dikawalselia oleh stesen penyiaran kerajaan dan swasta, kini stesen penyiaran kerajaan dan swasta ini bukanlah menjadi satu-satunya sumber rujukan informasi mutlak rakyat.

Segala berita kini dipersoalkan dan dibahaskan dalam alam siber sehingga berita itu tidak lagi mempunyai daya mempengaruhi yang kuat. Selain itu, bagi golongan muda pula, platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* contohnya menjadi medium kepada golongan muda untuk membina kandungan dan pengikut mereka sendiri. Bahasa dan penggunaan *hashtag* yang unik dan tersendiri menjadi penggerak yang meluaskan sebaran mesej-mesej yang disampaikan. Pendemokrasian media membenarkan perkongsian maklumat dan maklumbalas secara waktu sebenar (*realtime*) pada bila-bila masa. Jika dahulu berita disiarkan mengikut masa yang ditetapkan, kini menunggu waktu-waktu siaran berita adalah sesuatu yang lambat. Pendemokrasian media mewujudkan satu aktiviti perkongsian berita beberapa jam lebih pantas dari media arus perdana. Fenomena ini dikenali sebagai viral. Antara faktor yang menyebabkan media sosial lebih pantas adalah kerana penyebar tidak terikat. Inilah yang disebut oleh Rozumilowicz (2002) dalam menjelaskan proses reformasi media iaitu yang mengandaikan bahawa media seharusnya bergerak ke hadapan secara bebas, tidak terikat dan dikawal. Dalam situasi ini, individu menggunakan media tanpa dikawal oleh mana-mana pihak.

Penyertaan rakyat dalam membina kandungan media bukanlah konsep baru. Menurut Brew (2013), konsep ini telah wujud dalam eseи mengenai ilmu komunikasi oleh Hans Magnus Enzensberger yang ditulis pada 1974, di mana Enzenberger melihat media membuka peluang kepada penglibatan orang ramai di mana media menjadi satu bentuk proses sosialisasi. Kemudian, dengan matangnya teknologi laman sesawang (*World Wide Web*), idea Enzensberger yang dulunya dilihat radikal dan utopia kini menjadi kenyataan. Menurut Schneider (2016), semua bentuk media sosial berkongsi karakter asas yang sama: ia memudahkan penciptaan, bergantung secara ekslusifnya pada penyertaan audiens terhadap kandungan media, dan melibatkan pelbagai tahap '*engagement*' dengan audiens.

Horizon kuasa baru dalam dunia media hari ini adalah keupayaan mendominasi dan menguasai media sosial secara total. Namun, apakah media tradisional yang ada dalam dunia ini perlu terjun ke dalam media sosial sepenuhnya? Jawapannya adalah (1) ia bergantung kepada kemampuan media itu membina kandungan konsisten yang menarik dan seterusnya bersaing

dalam lautan informasi di media sosial. Selain itu, (2) mengambil kira ketembusan internet dan jumlah pengguna. Jika penggunaan internet meluas maka media sosial boleh menjadi pilihan, jika tidak, maka media tradisional masih relevan digunakan. Dilema antara media baru dan media tradisional inilah yang dipanggil sebagai “uneasy alliance” oleh Smith dan Hendriks (2010).

Survival of the fittest seperti yang diungkapkan Charles Darwin (1684) bermaksud keupayaan hidupan untuk mengadaptasi keadaan sekeliling untuk terus hidup dan mengembangkan generasi mereka. Dalam konteks media pula, prinsip ini boleh diaplikasikan menerusi cara sesebuah media tradisional melakukan adaptasi terhadap perubahan teknologi komunikasi hari ini dan seterusnya melakukan adaptasi agar kekal relevan untuk meneruskan kelangsungan mereka. Selain itu, pendemokrasian media membuka ruang kepada aktiviti cetak rompak dalam talian. Dalam erti kata lain, dengan adanya internet, kandungan filem, muzik dan sebagainya mampu dimuatnaik dan dimuateturun dengan mudah. Ini adalah kerana internet merupakan satu medium yang sangat sukar untuk mengesan sama ada sesuatu filem, muzik maupun foto telah mempunyai “salinan” dan jika sudah ia sangat sukar untuk dikesan keberadaannya dalam rangkaian internet yang sangat besar (Hayes & West 2000).

Filem-filem cetak rompak ini kemudian dimuatnaik ke dalam laman sesawang serta boleh dimuat turun dengan percuma dari laman sesawang yang sama. Aktiviti cetak rompak digital yang bergabung dengan internet telah membunuh aktiviti cetak rompak yang dijual secara terbuka. Kesannya, jenayah cetak rompak semakin sukar dibendung dan menjadi mustahil untuk disekat penyebarannya. Selain itu, kawalan terhadap kandungan media yang merupakan aktiviti utama dalam sistem pemerintahan demokrasi yang konservatif semakin terhakis dengan kewujudkan platform media sosial yang liberal, terbuka dan tanpa batasan. Contohnya, jika dulu terma ‘Syiah’ merupakan perkataan asing dalam kandungan media yang dikawal oleh kerajaan, kini kandungan media mengenai Syiah dalam Bahasa Melayu mahu pun bahasa lain mudah diperolehi. Impak kepada sosiologikal pula boleh dilihat dengan kewujudan pengikut fanatik Syiah berbangsa Melayu yang secara terbuka mempraktis cara hidup penganut Syiah sejati. Selain Syiah, pendemokrasian media juga menyebabkan budaya subkultur, homoseksual, pornografi dan radikalisme berkembang dengan bebas tanpa mampu dikawal.


Sekalipun kawalan media baru dikenakan, teknologi aplikasi seperti VPN atau *Virtual Private Network* dengan mudah membolehkan pengguna mengakses kandungan internet yang disebat. Malah, VPN juga percuma dan semakin ramai mempunyai kesedaran menggunakanannya. Pokoknya, kebebasan untuk bermedia kini milik rakyat. Kuasa demokrasi tidak lagi terletak pada kotak undi akan tetapi dizahirkan melalui aktiviti yang melibatkan platform media baru. Kecuali jika individu itu seorang rakyat di bawah rejim Kim Jong Un dari Korea Utara, maka penulisan mengenai evolusi media serta kewujudan sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* menjadi asing bagi mereka. Realitinya, pada waktu ini, Kim Jong Un atau sesiapa juga mempunyai telefon pintar peribadi digunakan untuk memuatnaik dan memuateturun pelbagai bentuk maklumat kesukaan anda. Maka dengan itu, mereka semua adalah sebahagian daripada kesan evolusi media hari ini. Selain sebagai pengguna, mereka juga adalah penggerak kandungan media madani, sama ada disedari atau tidak.

Donald Trump memahami fenomena media sosial hari ini dan menggunakan pengetahuan ini untuk membantu dirinya memenangi pilihanraya Amerika Syarikat pada 2016. Pendekatan strategik dan taktikal Trump dalam menggembung kuasa media sosial berjaya

menbenam reputasi Barrack Obama dan Hillary Clinton ke sudut jauh dalam dunia maya yang tidak didekati oleh masyarakat media sosial. Hakikatnya, tidak kira apa pun umur, bangsa, dan jawatan anda, media sosial hanya efektif kepada mereka yang tahu menggunakanannya. Selain itu, kumpulan pengganas seperti Daesh juga tidak melepaskan peluang untuk menjadi sebahagian daripada perubahan media hari ini. Pengrekutan bukan lagi melalui risalah, kaset, dan video VHS. Sebaliknya semua kandungan dilonggokkan dalam internet dan media sosial menjadi katalis kepada perkembangan kandungan media pengganas. Ideologi pengganas berkembang ke serata dunia hari ini dan operasi-operasi keganasan berskala kecil memberi ancaman baru kepada keselamatan negara di mana sahaja. Ini terbukti apabila alat dan teknik yang digunakan untuk mengimplementasi strategi informasi mereka telah direka khas untuk menyebar dan mempengaruhi pelbagai variasi persekitaran dan tempat (Anon, 2016). Oleh itu, kepentingan untuk memahami dan mengetahui tentang keselamatan dalam persekitaran digital adalah penting untuk mengharungi revolusi industri keempat pada masa ini. Seterusnya, dalam membincangkan fenomena pendemokrasi media serta cabarannya dalam era digital, topik ini dipecahkan kepada tiga objektif yang meliputi (1) keselamatan media digital dan polisi industri komunikasi, (2) globalisasi dan audiens serta (3) media, demokrasi dan integrasi sosial.


METODOLOGI

Pelbagai bentuk masalah kajian memerlukan pendekatan metodologi kajian yang berbeza-beza. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan impak pendemokrasi media kepada cabaran keselamatan dalam era digital. Ini adalah satu kajian konseptual di mana analisa konseptual telah dipilih sebagai kaedah dalam menjawab objektif yang telah dikenalpasti bagi kajian ini. Mengikut strategi kajian kemanusiaan oleh University of Southern California (2018), “tujuan utama pengkaji menggunakan kaedah analisa konseptual adalah untuk memahami makna atau maksud sesebuah ‘idea’ atau ‘konsep’. Manakala tujuan kedua adalah untuk menentukan bagaimana ‘idea’ atau ‘konsep’ tersebut berkait dengan masalah falsafah yang lain. Contoh terbaik adalah dalam buku *Republik* oleh Plato, di mana beliau menganalisa ‘konsep keadilan’ dalam konteks ‘Negara Ideal’”



Rajah 1: Analisa Konseptual Sebagai Strategi Kajian Kemanusiaan Oleh University of Southern California (2018).

Mengadaptasi dari strategi analisa konseptual yang dicadangkan serta contoh yang diberi oleh University of Southern California (2018), kajian ini mengadaptasi strategi analisa konseptual tersebut dan membina perbincangan kajian mengikut strategi yang dicadangkan. Hasilnya, kajian ini menghasilkan kerangka kajian yang jelas dan mudah difahami.



Rajah 2: Kerangka Kajian Pendemokrasian Media dan Cabaran Keselamatan Dalam Era Digital.

Rajah 2 merupakan kerangka kajian yang jelas memaparkan kaedah analisa konseptual yang diadaptasi dari strategi kajian kemanusiaan University of Southern California (2018). Perbincangan bermula dari sebuah konsep iaitu Pendemokrasian Media di mana ia telah membuka perbincangan makna (Tujuan Utama) yang dipandu oleh objektif utama iaitu untuk membincangkan konsep pendemokrasian media dan masalah falsafah (Tujuan Kedua) dalam konteks cabaran kepada keselamatan dalam era digital.

Perbincangan

Siapa sangka harinya akan tiba di mana demokrasi dan media menjadi satu membentuk kuasa pendapat rakyat hingga mampu mencabar kuasa-kuasa politik sebuah negara dan dunia. Siapa juga yang menyangka kumpulan pengganas yang dahulunya hanya bersembunyi di dalam gua kini mampu membina jabatan dan unit media sendiri dalam usaha menangkis kandungan media yang dikawal ketat oleh kerajaan. Pendemokrasian media menjadi tunjang kepada perubahan-perubahan ini. Media kerajaan yang dikawal masih wujud dan beroperasi namun media baru seperti media sosial membuka peluang kepada orang ramai untuk menjadi peserta dan berkongsi maklumat bukan hanya diperingkat lokaliti dan komuniti akan tetapi maklumat boleh dikongsi ke peringkat global. Baik sebuah kumpulan pengganas mahupun seorang peniaga dalam talian; mereka mempunyai akses dan capaian yang sama untuk membina pengaruh, menarik pelanggan dan menjual idea-idea mereka.

Video artis menari separuh bogel contohnya jika terlepas ke dalam media sosial, ia akan sukar untuk dipadam dan dibuang. Ini terjadi kerana kesan dari desentralisasi media yang dipacu oleh jutaan pengguna. Jika ia dipadam di satu platform, ia dengan mudah boleh dimuatnaik semula di platform lain pula.

Buku Noam Chomsky bertajuk *Media Control: The Spectacular Achievement of Propaganda* (1997) secara rumusannya mengatakan bahawa, media Amerika Syarikat mengawal pendapat rakyat Amerika dengan tidak mengambil perhatian suara-suara golongan demokrat dalam kalangan rakyat Iraq. Jika ini diketengahkan maka rakyat Amerika akan memahami bahawa

rakyat Iraq juga mempunyai pandangan sama iaitu mahukan kedamaian dan proses demokrasi yang telus. Sebaliknya media Amerika memaparkan golongan pejuang Iraq yang menentang Amerika sahaja maka persepsi negatif mengenai Iraq terus subur dan mekar dalam pemikiran rakyat Amerika.

Dalam era media sosial hari ini pun, Amerika Syarikat masih mampu mengawal pemikiran rakyat mereka dan rakyat global. Contohnya, wartawan-wartawan perang yang melaporkan berita dari negara-negara bergolak seperti Syria, Afganistan dan Yemen melaporkan berita mengenai pengganas yang wujud di negara-negara ini. Laporan mereka juga disebarluaskan dengan meluas dan agresif dalam media sosial sehingga mencipta satu bentuk realiti yang sukar dipadamkan. Manakala suara-suara rakyat dari negara-negara ini yang mahukan kedamaian dan proses demokrasi yang telus dan liberal tidak mendapat liputan berita. Lebih teruk apabila mereka tidak tahu bercakap dan menulis dalam bahasa Inggeris menyebabkan mesej-mesej mereka tidak difahami walaupun ia dimuatnaik dalam media sosial.

Kesimpulannya, aspek keselamatan media telah menjadi satu cabang yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dalam menghadapi revolusi media ke-4. Pendekatan lama seperti menangkap suspek dan cubaan membuang kandungan media yang radikal tidak menjanjikan kejayaan yang sepenuhnya. Sebaliknya, aspek keselamatan media boleh diperhalusi dengan memberi fokus kepada operasi atau kempen kesedaran dalam kalangan rakyat.

Kepesatan dalam perkembangan teknologi komunikasi bukan sahaja memberi kesan kepada individu malah ia juga telah menyebabkan transformasi radikal kepada polisi dunia komunikasi dan industri media itu sendiri. Contohnya, polisi komunikasi yang digazetkan untuk mengawal kandungan dan sistem media tradisional lama yang bersepada (centralized) kini mengalami tekanan untuk bersaing dalam sistem komunikasi media sosial yang terbuka, rawak dan tidak berpusat (decentralized) di mana punca informasi sukar ditentukan.

Masalah polisi komunikasi bukanlah masalah baru kerana masalah yang sama sudah pun dijelaskan dalam buku *U.S. Congress, Office of Technology Assessment* pada tahun 1990. Menurut mereka;

...kelemahan dalam urusan koordinasi kebangsaan dalam membentuk polisi komunikasi akan memburukkan usaha untuk membina dan menjalankan strategi yang sesuai bagi menghadapi pelbagai isu-isu polisi komunikasi yang bakal mendarat apabila Amerika Syarikat mula mengambil bahagian dalam ekonomi informasi global yang semakin berkembang.

Jadi di sini jelas menunjukkan, di Amerika Syarikat kesedaran mengenai pembentukan polisi komunikasi sudah bermula sejak 1990 lagi. Walau bagaimanapun, polisi komunikasi Amerika Syarikat pada era ini masih dipengaruhi oleh semangat anti Komunis dan kemudian mereka mula transisi polisi sedia ada ke arah negara Timur Tengah bermula dengan Perang Teluk pertama yang juga dikenali sebagai *Operation Desert Shield* pada 2 Ogos 1990 hingga 28 Februari 1991. Tidak dapat dinafikan juga, polisi komunikasi sesebuah negara itu dibentuk sama ada untuk mengawal atau membendung ancaman sedia ada atau ancaman yang mendarat. Ancaman setiap negara berbeza oleh itu lokalisasi polisi komunikasi akan berlaku.

Bagi Malaysia pula, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang dibentuk dari Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menjadi peneraju dalam pembentukan polisi komunikasi di Malaysia. Menurut Laporan Jabatan Penerangan Malaysia (2004), SKMM telah ditubuhkan pada 1 November 1998 di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 598). Akta ini telah memberi kuasa kepada Suruhanjaya ini untuk menyelia dan menguatkuasa undang-undang bagi aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia.

Uniknya di Malaysia, ancaman yang jelas wujud pada ketika ini adalah ancaman penyebaran ideologi militan dan pengganas. Menurut Bakar (2017), SKMM menyekat 72 laman sesawang dan 54 pautan laman web dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris kerana dikesan menyebarkan ideologi militan Daesh. Bakar (2017) juga menambah, SKMM sudah mengambil tindakan proaktif, termasuk mengenal pasti pemilik laman sosial, selain menyekat akses media sosial yang dikesan menyebarkan propaganda pengganas.

Walau bagaimanapun, sekatan mempunyai limitasi dan laman web yang disekat sama ada unsur berita palsu atau militan masih boleh diakses dengan pelbagai cara. Selain itu, setakat ini kawalan sepenuhnya hanya boleh dikenakan ke atas kandungan yang dibuat oleh organisasi media arus perdana seperti stesen penyiaran kerajaan dan swasta sahaja. Bagi kandungan media laman web dan media sosial, setakat ini hanya sekatan ke atas alamat web yang kemudian boleh diatasi dengan sistem tambahan pada pelayar sesawang seperti *Virtual Private Network* yang boleh dimuat turun secara percuma dan ada juga versi berbayar.

Sebenarnya polisi komunikasi penting, tapi lebih penting adalah memahami bahawa rakyat kini tidak lagi segan atau betul-betul takut kepada undang-undang. Saban hari kita dapat lihat ada sahaja laporan media yang menunjukkan tangkapan ke atas penyokong kumpulan militan dan pengganas. Selain itu, ada juga tangkapan ke atas mereka yang disabit dengan jenayah siber. Tangkapan-tangkapan ini terus terjadi dan aktiviti jenayah siber masih berlaku. Ini kerana polisi, undang-undang adalah satu bentuk simbol hukuman yang efektif dalam menimbulkan rasa gerun dan takut pada orang lain. Ia juga boleh dijadikan iktibar untuk mereka tidak membuat kesalahan yang sama. Kini, segelintir orang tanpa rasa takut dan segan terus-menerus melakukan jenayah walaupun polisi komunikasi sedia ada dikuatkuasa oleh suruhanjaya yang cekap di bawah akta yang lengkap.

Ward (2017) mengatakan bahawa, pendekatan etika media perlu difikirkan dan diinovasi semula agar sesuai dengan keadaan semasa, bukan mengikut etika media yang lama. Dalam mengulas mengenai kebangkitan jurnalis internet (*citizen journalists*), Ward (2017) menambah, persoalan etikanya apakah kita mampu mengkonstruksi etika media baru yang mana normanya mampu diaplikasikan secara konsisten ke atas semua platform media hari ini? Atau kita akan berdepan dengan prospek yang memerlukan norma etika media berbeza mengikut platform-platformnya?

Demi menjawab persoalan tadi, berbalik kepada fokus utama iaitu pendemokrasian media dan cabaran digital, perlu kita ketahui bahawa penguatkuasaan polisi komunikasi sahaja tidak lengkap tanpa penekanan kepada aspek pengetahuan dan kesedaran mengenai etika media digital. Pengguna media sosial perlu diberikan latihan, menghadiri bengkel dan memastikan mereka mendalami etika media digital. Etika merupakan satu dari cabang falsafah. Mempunyai niat baik sahaja tidak cukup kerana ia tidak nampak. Walaupun berniat baik tapi etika menggunakan media digital buruk, maka buruklah sikap kita bila dilihat orang. Oleh itu,

kesedaran mengenai etika media sosial penting untuk difahami dan kemudian dizahirkan dalam bentuk tindakan apabila menggunakan media digital.

Cabarani hari ini adalah Malaysia memerlukan netizen yang beretika dalam mengendali akaun media sosial peribadi mereka. Maksudnya, netizen perlu memastikan bahawa apa sahaja posting media sosial yang mereka lakukan perlu berlandaskan kebenaran dan sahih. Ini kerana, informasi palsu atau tidak lengkap akan mengelirukan pengguna media sosial lain. Sebagai contoh, kumpulan pengganas seperti Daesh mahir dalam menyebarkan dakyah sesat mengenai Islam. Contohnya, penyebaran video-video kejam dan tidak berperikemanusiaan disebarluaskan sewenang-wenangnya melalui pelbagai cara di laman sesawang. Apa yang dibuat oleh pengganas Daesh adalah sesuatu yang salah dari sisi etika. Baik dari sisi etika barat atau Islam itu sendiri, perkongsian video kejam oleh kumpulan pengganas Daesh tidak mencerminkan ketamadunan manusia yang terkini. Jauh sekali mencerminkan nilai-nilai Islam. Sebagai bukti pengganas menggunakan media sosial, menurut Dean (2016), serangan pengganas pada tahun 2008 adalah satu contoh jelas bagaimana kumpulan pengganas mampu menggunakan media sosial seperti *Twitter*.

Kesimpulannya jelas, etika dalam menggunakan media sosial adalah perkara yang penting. Kesedaran mengenai etika dalam bermedia sosial juga merupakan aspek yang mampu membentuk masyarakat bertanggungjawab dalam menerbitkan kandungan-kandungan media sosial masing-masing. Melainkan, pengguna media sosial memberi klasifikasi terhadap penerbitan media sosial seperti ianya sebagai kisah seram, kisah fiksyen sains atau sebagainya, maka ia tidaklah dikira sebagai informasi palsu.

Sebenarnya etika juga merupakan komponen falsafah dan bagi kebanyakan cendekiawan barat, perbincangan etika meliputi intipati perbincangan falsafah. Contoh yang paling jelas adalah sebuah buku hasil tulisan ahli falsafah Jerman terkemuka iaitu Immanuel Kant bertajuk *Lectures on Ethics* (1920) yang mana dalam buku tersebut, Kant membawa pembaca ke dalam perbincangan pelbagai dimensi falsafah merangkumi penjelasan aspek etika secara mendalam. Kant dan falsafah etika terlalu signifikan sehingga membawa kepada kewujudan terma Etika Kantian (*Kantian Ethics*). Menurut Brennan (1991), Etika Kantian (*Kantian Ethics*) bersifat fundamental yang mana imperatifnya digunakan ke atas manusia sebagai manusia, dan bukan sebagai seorang pelakon dalam watak tertentu. Sememangnya Etika Kantian kompleks bagi yang tidak mengikutinya secara mendalam akan tetapi secara asasnya, etika apabila diaplikasikan ke dalam bidang pengajian media dan komunikasi ia lebih kepada amalan dan sikap yang baik dan tertib seorang pengguna media sosial dalam menyampaikan dan menyalurkan maklumat kepada orang lain.

Namun, pengaruh budaya siber hari ini seperti *Cybertrooper* politik yang tidak sopan dan *Keyboard Warrior* yang mahir membakar isu dengan leksikal bahasa yang memalukan mampu mempengaruhi etika pengguna media sosial lain. Fenomena ini akan menjadi cabaran kepada pembinaan etika yang baik dalam kalangan pengguna media sosial. Teknologi komunikasi canggih yang tercipta kesan dari revolusi industri keempat menganjak perbincangan baru dalam memahami konteks teori dan falsafah etika komunikasi hari ini. Teori dan falsafah adalah dua lapangan ilmu yang berbeza namun seringkali untuk memahami teori seseorang perlu membaca mengenai falsafah dan sebaliknya. Jika hendak membincangkan teori komunikasi hari ini, maka elok kiranya kita membawa perbincangan ini kepada teori komunikasi media sosial dan dari segi

falsafah pula. Ini kerana, pada hari ini, kajian-kajian cendekiawan komunikasi media banyak ditumpukan kepada media sosial.

Secara kesimpulannya, kesan daripada perbincangan mengenai etika komunikasi dan media perlu seiring dengan perubahan yang sudah berlaku dalam lanskap media di Malaysia. Selain itu, perbincangan etika ini juga tidak boleh terhenti setakat itu sahaja sebaliknya pakar-pakar media dan komunikasi perlu siapsiaga dalam menghadapi corak media yang lebih baru dari media sosial seperti hari ini. Kritikan terhadap teori dan falsafah komunikasi media perlu dipergiat agar mampu melahirkan idea-idea baru yang dapat membina satu bentuk etika media dan komunikasi yang lebih adaptif.

Dennis List (2003) dalam bab bukunya bertajuk *The Globalisation of Media and Communications in Australia, 1980-2020* menyatakan bahawa aspek utama maksud ‘globalisasi’ adalah kaedah bagaimana informasi boleh dicapai secara global. Dalam menjelaskan maksud globalisasi media, List (2003) telah berjaya mengenal pasti lapan dimensi globalisasi yang dibahagikan kepada dua iaitu bentuk (form) dan aplikasi.

Jadual 1: Lapan Bentuk Dimensi Globalisasi oleh List (2003).

| Bentuk Generik Globalisasi | Aplikasinya ke dalam Bidang Komunikasi Media |
|----------------------------|----------------------------------------------|
| Produksi (Head 1997) | Produksi |
| Jualan (Tordjman 2000) | Transmisi |
| Pemilikan (Head 1997) | Pemilikan |
| Kawalan (Flaherty 1996) | Kawalan |
| Budaya (Tomlinson 1999) | Kandungan |
| Reflektif (tiada rujukan) | Meningkatkan Kesedaran mengenai globalisasi |
| Manusia (Aman 1994) | Pekerja media Penonton |

Jika diperhatikan, Jadual 1 di atas diterbitkan pada tahun 2003 dan ia mengambil data-data antara tahun 1994 hingga tahun 2000. Jika dibandingkan dengan lanskap komunikasi media tahun 2017 hari ini, perkataan dalam jadual 1 seperti ‘kawalan’, ‘pemilikan’, ‘transmisi’ dan ‘kandungan’ contohnya membawa maksud yang sangat berbeza hari ini kerana media sosial merupakan kuasa media terbaru yang sofistikated dan telah mengubah corak dan percaturan kuasa media tradisional yang memperkasa seperti governan dan politik. Theisens (2016) menyatakan, globalisasi telah memberi kesan signifikan terhadap sistem governan sesebuah negara. Salah satu daripada impaknya adalah pengaruh kuasa politik semakin lemah, terutama sekali kuasa politik kebangsaan sesebuah negara.

Secara kesimpulannya, apabila media menjadi lebih demokratik dan dipacu oleh sistem teknologi komunikasi yang terbuka tanpa sempadan, globalisasi maklumat tidak dapat dielakkan. Kesan daripada ini, ia membuka dimensi-dimensi perbincangan yang baru dalam bidang komunikasi dan media contohnya seperti media dan pemahaman awam terhadap isu-isu alam sekitar, komunikasi rentas sempadan, media dalam dunia global, komparatif media baru dan media lama, media dan keganasan, dan komunikasi kesihatan.

KESIMPULAN

Pendemokrasian media hari ini adalah kesan daripada teknologi komunikasi yang dipacu oleh revolusi industri keempat. Pengkaji, penyelidik, pakar atau pelajar dalam bidang komunikasi media bukan hanya tertumpu pada teknologi komunikasi sahaja, akan tetapi menumpukan corak dan pola masyarakat masa hadapan berkomunikasi. Contohnya, berita semasa masih relevan namun di masa akan datang persoalannya adalah siapakah yang membuat berita tersebut? Agensi media atau Biro berita? Atau rakyat sendiri yang menjadi wartawan? Bagaimana keterlibatan rakyat akan memberi cabaran kepada keselamatan era digital adalah sesuatu yang kompleks untuk dirungkai, namun perlu kita fahami bahawa jika informasi yang tidak sahih menjadi amalan masyarakat siber akan datang, maka ia akan memberi kesan kepada tindakan dan pemikiran masyarakat amnya dalam berinteraksi dengan kerajaan. Namun, apakah kerajaan dalam era media yang jauh demokratik hari ini mampu mengawal kandungan berita? Ini menjadi persoalan kerana dalam negara mana pun wujud saluran berita media baru yang menghasilkan kandungan berita yang mempersoal tindakan dan keputusan kerajaan.

Oleh yang demikian, adalah baik jika kerajaan dalam era digital melihat kepada kepentingan strategi dan teknik analisis khalayak (*audience analysis*). Ini kerana, industri media akan mengalami transformasi radikal yang bukan sahaja mengubah aspek teknologi malah ia juga akan mengubah bagaimana sesuatu kandungan media itu dihasilkan. Selain itu, pendemokrasian media juga akan menyebabkan perubahan bagaimana informasi disampaikan. Adalah menjadi sesuatu tindakan yang baik jika kita mempelajari pendekatan analisis khalayak media baru dan menguasai teori-teori analisis khalayak yang terkini bagi menjadi lebih bersedia dengan segala cabaran keselamatan media dan informasi dalam era digital ini.

Kajian-kajian dalam konteks atau aspek yang menyentuh tajuk-tajuk seperti literasi media dan teknologi baru, isu gender dan seksualiti dalam media, bahasa, media dan kuasa, penyiaran kritikal, multimedia, khalayak transnasional dan pengguna media baru boleh difokus dengan lebih mendalam. Selain itu, isu yang meliputi aspek media, demokrasi dan integrasi boleh difikirkan juga. Ini kerana, sebagai pengkaji atau pakar dalam kajian komunikasi media kita perlu juga memahami apakah makna hubungan media, demokrasi dan kuasa intergrasi dalam lanskap media baru kini. Topik-topik kajian dan perbincangan seperti media dan sfera publik, media dan identiti budaya, integrasi antarabudaya dan perubahan sosial, serta Ekonomi Politikal Media Baru perlu diberikan ruang dan peluang dalam bidang komunikasi media untuk dibincangkan.

Pendemokrasian media gelombang keempat bermula wujudnya media baru dan seterusnya membuka peluang dan juga cabaran baru kepada sesiapa sahaja untuk menjadi pembuat dan penyebar maklumat. Media kawalan kerajaan yang isu-isunya ditentukan sudah tidak lagi mendapat perhatian sepenuhnya oleh masyarakat. Masyarakat amnya, mempunyai pilihan untuk mempercayai mana-mana informasi yang mereka rasa dan fikir sesuai untuk diri mereka. Seperti contoh yang diberikan di awal penulisan ini, iaitu mengenai isu pengganas, kerajaan mengalami masalah dalam memastikan rakyat untuk melihat kumpulan seperti Taliban atau Daesh sebagai pengganas. Platfom media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *Twitter* menjadi senjata perangsar kumpulan pengganas ini dalam menonjolkan diri mereka sebagai sebuah kumpulan yang berjuang demi agama. Kesannya, segelintir rakyat Malaysia telah terpengaruh dan dengan sukarela menyertai gerakan Daesh. Walaupun penyertaan rakyat Malaysia dalam gerakan pengganas hanya segelintir, namun segelintir inilah yang memberi masalah kepada imej dan reputasi negara Malaysia. Lebih-lebih lagi apabila operasi serangan

berani mati yang dilakukan oleh pengganas Daesh menjadikan rakyat Malaysia sebagai pemandu kereta Humvee yang dipenuhi bahan peledak dan seluruh operasi dirakam menjadi satu jalan cerita dan dimuatnaik dalam *YouTube* untuk tontonan masyarakat global.

Isu pengganas bukanlah satu isu yang wujud kesan dari pendemokrasian media, seperti yang telah dibincangkan, banyak isu-isu lain yang berpunca dari pendemokrasian media ini seperti isu cetak rompak, masalah etika media dan juga mungkin pornografi. Media baru seperti media sosial bukan sekadar medium untuk hiburan akan tetapi ia juga adalah medium yang mampu menghiburkan pengguna. Malah, pengguna media sosial sendiri boleh membina hiburan sendiri untuk tontonan lingkaran kecil komuniti mereka. Ciri-ciri terbaru memuatnaik foto atau video yang ada pada *WhatsApp* dan *Instagram* contohnya membolehkan pengguna media sosial membina kandungan sendiri dengan pantas.

Usaha untuk mengawal media baru yang demokratik hampir mustahil. Selain masalah pengganas, masalah penyebaran ideologi sesat, masalah etika media di kalangan pengguna dan masalah cetak rompak contohnya tidak mampu diselesaikan dengan mudah oleh suruhanjaya yang relevan atau sistem perundangan sedia ada. Setakat ini, tidak ada solusi kepada beberapa masalah yang dinyatakan di atas. Sekatan dan tangkapan boleh dibuat namun, sekatan ke atas laman web boleh diatasi dengan mudah menggunakan VPN atau *private browsing* dan tangkapan ke atas individu atau organisasi tidak mampu melenyapkan masalah-masalah ini kerana jumlah mereka yang terlibat jauh lebih ramai menjadikan ia sesuatu yang mustahil untuk menangkap semua pengguna media sosial yang melanggar undang-undang.

BIODATA

Ahmad Sauffiyan Hasan adalah pensyarah kanan di Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah perang saraf dan media baharu. Emel: sauffiyan@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Bakar, B. (2017, Ogos 6). SKMM sekat 126 laman sosial sebar ideologi Daesh. *Berita Harian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my>
- Brennan, T.A. (1991). *Just Doctoring: Medical Ethics in The Liberal State*. Berkeley: University of California Press.
- Chomsky, N. (1997). Media Control: The Spectacular Achievement of Propaganda. *The Open Media Pamphlet Series*.
- University of Southern California. (2018). Conceptual Analysis in University of Southern California Online Research Guides. Retrieved from <http://libguides.usc.edu/humanitiesresearch/conceptual>
- Rozumilowicz, B. 2002. Democratic Change: A Theoretical Perspective. Dlm. M. E. Price, B. Rozumilowicz, & S. G. Verhulst (pynt.), *Media Reform: Democratizing Media Democratizing The State* (hlm. 12). London: Routledge.
- Dean, G. (2016). Framing The Challenges of Online Vioent Extremism: 'Policing Public Policies' Framework. In Khader, M., Neo, L. S., Ong, G., Mingyi, E. T., & Chin, J. (Eds.), *Combating Violent Extremism and Radicalization in the Digital Era* (pp. 236). Pennsylvania: Information Science Reference.
- Hakimi Tew Abdullah, Muhamad Hanapi Khamis, & Zuliani Mohd Azni (2018). *Pendemokrasian Maklumat Blog: Isu Akauntabiliti Dalam Kalangan Blogger di Malaysia*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3). doi: 10.17576/JKMC-2018-3403-22.
- Huntington, S. P. (1991). *The Third Wave: Democratization in the Late Twentieth Century*. USA: University of Oklahoma University Press: Norman.
- Ivanov, D., Dolgui, A., Sokolov, B., Werner, F., & Ivanova, M. (2016). A Dynamic Model and an Algorithm for Short-Term Supply Chain Scheduling in The Smart Factory Industry 4.0. *International Journal of Production Research*, 54, 386-402. doi: 10.1080/00207543.2014.999958
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2004. Malaysia: Buku Rasmi Tahunan 2004. Putrajaya: Penulis
- List, D. (2003). Chapter 9: The Globalisation of Media and Communications in Australia, 1980-2020. In Shanahan, M. & Treuren, G. (Eds.), *Globalisation: Australian Regional Perspectives*. Kent Town, South Australia: Wakefield Press.
- Sauffiyan, A. (2016). Daesh: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2).
- Schneider, J. C. (2016). Policing and Social Media: Social Control in an Era of New Media. Lexington Books: London.
- Shah, R., & Zimmermann, R. (2017). *Multimodal Analysis of User-Generated Multimedia Content*. Springer: Singapore.
- Smith, S., & John Allen Hendriks. (2010). New Media. In J. A. Hendriks (Ed.), *The Twenty First Century Media Industry* (hlm. 3). UK: Lexington Books.
- Spinner, M. (2012). *The Effects of Social Media on Democratization* (Thesis Dissertation, City College of New York). Diakses dari http://academicworks.cuny.edu/cc_etds_theses/110
- Theisens, H. 2016. Chapter 3: Hierarchies, Networks and Improvisation in Education Governnance. In Tracey, B. & Florian, K. (Eds.), *Educational Research and Innovation Governing Education in a Complex World*. Paris: OECD Publishing.

- Ward, S. J. A. (2017). *Digital Media Ethics: Center for Journalism Ethics*. Diakses dari <https://ethics.journalism.wisc.edu>
- Yan, W. Q., & Weir, J. (2010). *Fundamentals of Medi Security*. Frederiksberg: Ventus Publishing Aps.
- U.S. Congress, Office of Technology Assesment. (1990). *Critical Connections: Communications for the Future*. Washington: U.S. Government Printing Office.
- Zhao, Y., & Hackett, R. A. (2005). *Media Globalization, Media Democratization: Challenges, Issues and Paradoxes*. In Zhao, Y. & Hackett, R. A. (Eds.), *Democratizing Global Media: One World, Many Struggles* (pp. 13-17). Oxford: Rowman & Littlefiled Publishers.